

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM - Akademi Golf Nasional (UUMNGA)
Sent: Thursday, 18 May, 2017 3:09 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Azman B Yasin
Subject: SIRKIT 2 / UPM TERUSKAN SEMARAK GOLF IPT 2017



Akademi Golf Nasional
NATIONAL GOLF ACADEMY
Universiti Utara Malaysia



18 MEI 2017/21 SYAABAN 1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Assalamu'alaikum wrh.wbt dan Salam Sejahtera.

YBhg. Dato'/Prof/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan

SIRKIT 2 / UPM TERUSKAN SEMARAK GOLF IPT 2017



AGNUUM 14 Mei 2017 – Kejohanan Golf IPT bagi tahun 2017 yang telah membuka tirai pada bulan Mac lepas diteruskan lagi dengan Sirkuit 2/UPM pada 13 Mei 2017 di Unipertama Golf Club (Kelab Golf UPM), Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menyaksikan penyertaan seramai 52 orang pemain daripada pelbagai institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia.

Sepintas lalu melihat keputusan akhir perlawanan, ternyata atlet Akademi Golf Nasional UUM (AGN) dapat mengekalkan momentum dalam kejohanan dengan Johan Kategori Lelaki disandang oleh Mohd Shakiran bin Johari, pemain golf UUM dengan pukulan par golf (72). Manakala Naib Johan dimenangi oleh Kuhanesh a/l Ganesan yang juga dari UUM dengan pukulan tiga di atas par (75). Seterusnya, bagi Tempat Ke-3 dan Ke-4 yang juga dimenangi oleh pemain golf dari UUM, walaupun berkongsi jumlah pukulan yang sama sebanyak empat pukulan di atas par (76), Johan Sirkuit 1/UUM, Sazanur Iman bin Salenin berjaya mendahului Muhammad Afif Bin Muhammad Razif dengan OCB. Sementara itu, Naib Johan Sirkuit 1/UUM, Muhamad Zafran Abdullah (UKM) terpaksa berpuas hati dengan tempat Ke-5 dengan jumlah pukulan sebanyak lima di atas par (77).

Walau bagaimanapun, dalam Kategori Perempuan pula, tempat bagi Johan dan Naib Johan pula yang berkongsi jumlah pukulan yang sama tujuh di atas par (79) dan telah menyaksikan Nur Musfirah Ilham Armalis dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berjaya mendahului Norshahira Alisa Binti Che Omar dari UUM melalui kiraan OCB. Manakala tempat Ke-3 dimenangi oleh Nurul Shahirah Afiqah Bt Saparudin dari UUM dengan jumlah pukulan lapan di atas par (80).

Dalam ucapannya di Majlis Penyampaian Hadiah Kejohanan Golf IPT 2017 – Sirkuit 2 / UPM, Encik Tony Azman Hassan, Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Penyelarasan, Bahagian Sukan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) mengucapkan syabas kepada peserta dari semua IPT dalam negara yang telah hadir untuk sama-sama menyokong aktiviti kesukanan di peringkat IPT.

Di samping itu, En Tony Azman turut berkongsi kejayaan AGN yang baru-baru telah menghasilkan dua juara dalam Kejohanan Terbuka Amatur Negeri dengan para peserta kejohanan.

“Suka saya berkongsi di sini pencapaian AGN baru-baru ini yang telah berjaya melahirkan dua juara kejohanan Terbuka Amatur Negeri di Johor dan Sabah bulan April yang lalu iaitu Muhd Afif Muhd Razif muncul juara Terbuka Amatur Johor dan Albright Chong sebagai juara Terbuka Amatur Sabah edisi 33. Syabas serta tahniah AGN dan UUM”, ujar Encik Tony Azman penuh teruja.

“Potensi serta pencapaian AGN sebagai Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) Golf sangat memberangsangkan kebelakangan ini dan saya bersama-sama Bahagian Sukan berharap selepas ini akan ada lebih banyak lagi kejayaan atas inisiatif AGN dalam melahirkan bakal-bakal juara dan pemain harapan yang akan mengharumkan nama negara dalam arena sukan golf tempatan mahupun antarabangsa”, tambah beliau lagi.

Turut hadir dalam Majlis Penyampaian Hadiah tersebut adalah Pengarah Pusat Sukan UPM, Dr. Hanafiah Ayub; Encik George De Silva, Pengarah AGSSG Links Sdn. Bhd.; Prof. Madya Dr. Azman Yasin, Pengarah AGN; Encik Mohd Rom Muslim, Timbalan Pengarah AGN; Encik Ahmad Farhan Syarif, Penyelaras Golf IPT 2017 bersama-sama dengan urusetia dari AGN dan UPM.

Hadiah kejohanan serta cabutan bertuah adalah atas ihsan tajaan daripada AGSSG Links Sdn. Bhd. dan Srixon Asia Sports Sdn. Bhd. Kejayaan penganjuran Kejohanan Golf IPT Sirkuit 1/UUM dan Sirkuit 2/UPM akan diteruskan dengan penganjuran Sirkuit 3/UTEM pada bulan Oktober nanti di Melaka.

Daripada:

AKADEMI GOLF NASIONAL
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH
TEL: 04-9283591/3596
FAKS: 04-9283592



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.